

Bajet belanja sekolah anak

» Perancangan rapi elak beban kewangan keluarga

Oleh Nor Afzan Mohamad Yusof
afzan@bh.com.my

Setiap hujung tahun, perbelanjaan persekolahan anak sudah pasti menjadi topik perbincangan dalam kalangan ibu bapa.

Rungutan biasa yang sering diluahkan ialah mengenai harga barangan yang semakin meningkat termasuk perbelanjaan untuk pelbagai kelengkapan bagi sesi persekolahan tahun depan.

Cuma, pernahkah kita menggunakan kuasa pengguna untuk meneliti lebih terperinci mengenai harga barangan ditawarkan.

Ketua Jabatan Pengurusan Sumber dan Pengajian Pengguna, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Mohamad Fazli Sabri, berkata pengguna perlu bijak menggunakan kuasa beli supaya tidak terperangkap dengan potongan harga yang sesetengahnya mengambil kesempatan untuk mengaut keuntungan.

Membeli awal

"Saya menyarankan pengguna membeli kelengkapan sekolah anak lebih awal kerana ibu bapa mempunyai masa membuat perbandingan harga.

"Dari segi penjimatan pula, saya menyarankan ibu bapa tidak terus membeli yang baharu kerana mana tahu pakaian tahun lalu masih boleh dipakai," katanya mengulas mengenai persiapan



"**Saya menyarankan pengguna membeli kelengkapan sekolah anak lebih awal kerana ibu bapa mempunyai masa membuat perbandingan harga**"

Mohamad Fazli Sabri,
Ketua Jabatan Pengurusan Sumber dan Pengajian Pengguna,
Fakulti Ekologi Manusia,
Universiti Putra Malaysia



Membeli kelengkapan sekolah memerlukan **perancangan awal**.

[GAMBAR HIASAN]

persekolahan anak untuk musim persekolahan sesi tahun 2015.

Perbelanjaan keluarga

Beliau berkata, perbelanjaan persekolahan memerlukan perancangan rapi supaya tidak membebani terutamanya jika anak ramai.

"Keperluan barangan sekolah berbeza mengikut peringkat usia. Perbelanjaan mengikut peringkat usia anak juga dianggap cara terbaik untuk memudahkan penyediaan.

"Sebuah keluarga mempunyai empat anak yang bersekolah seperti peringkat menengah (lelaki) dan dua di sekolah rendah (lelaki dan

perempuan) dan seorang di pra-sekolah (perempuan), selain itu, sekolah agama Kelas Asas Fardu Ain (KAFA) juga mempunyai perbelanjaan yang berbeza.

"Berdasarkan anggaran perbelanjaan, jelas menunjukkan ibu bapa yang tidak mempunyai perancangan dan persiapan persekolahan anak akan mengalami tekanan serta beban kewangan," katanya.

Bagaimanapun, bantuan persekolahan RM100 yang diberi kepada pelajar yang selalunya digihkan secara berperingkat pada 15 Januari sekurang-kurangnya dapat meringankan beban ibu bapa.

INFO



Tip jimat

☉ Guna semula baju yang sedia ada atau baju terpakai adik-beradik dan saudara-mara yang lain.

☉ Beli keperluan persekolahan **pada awal bulan** bagi mengelak kesesakan.

☉ Ambil masa secukupnya membuat **perbandingan harga**.

☉ Sediakan tabungan atau peruntukan khas untuk perbelanjaan keperluan persekolahan sewaktu penyediaan bajet keluarga.

☉ Bagi yang ada kemahiran, boleh **menjahit sendiri** pakaian sekolah anak.

☉ Sekiranya ada dalam kalangan kenalan rapat atau saudara-mara tahu menjahit, **boleh menempah** kerana harga biasanya boleh dirunding.

☉ Membeli pakaian sekolah yang **lebih besar saiznya** supaya penggunaannya tahan lebih lama hingga akhir tahun atau untuk sesi persekolahan berikutnya.

☉ Beli keperluan sekolah **secara dalam talian** kerana ada peniaga menawarkan kos penghantaran secara percuma.

INFO

Anggaran perbelanjaan (sepasang) untuk pelajar sekolah rendah yang dicadangkan Dr Mohamad Fazli

KEPERLUAN	PELAJAR LELAKI	PELAJAR PEREMPUAN
Kasut sekolah	➔ RM21.50	➔ RM21.90
Stoking	➔ RM6.90	➔ RM6.90
Seluar/ kain	➔ RM19.90	➔ RM24.90
Kemeja/ baju kurung	➔ RM16.90	➔ RM22.90
Singlet	➔ RM5.90	➔ RM 5.90
Songkok/ tudung	➔ RM8.90	➔ RM17.90
Tali leher	➔ RM10.90	➔ -
Seluar sukan	➔ RM17.90	➔ RM17.90
Baju sukan	➔ RM15.90	➔ RM17.90
Beg sekolah	➔ RM39.90	➔ RM39.90
Samping	➔ RM4.50	➔ -
Buku	➔ RM100.00	➔ RM100.00
JUMLAH	RM269.50	RM276.10

INFO

Anggaran perbelanjaan (sepasang) untuk pelajar sekolah menengah

KEPERLUAN	PELAJAR LELAKI	PELAJAR PEREMPUAN
Kasut sekolah	➔ RM24.90	➔ RM24.90
Stoking	➔ RM7.90	➔ RM7.90
Seluar/ kain	➔ RM29.90	➔ RM26.90
Kemeja/ baju kurung	➔ RM17.90	➔ RM24.90
Singlet	➔ RM6.90	➔ RM7.90
Songkok/ tudung	➔ RM8.90	➔ RM19.90
Tali leher	➔ RM12.90	➔ -
Seluar sukan	➔ RM27.90	➔ RM27.90
Baju sukan	➔ RM16.90	➔ RM16.90
Beg sekolah	➔ RM49.90	➔ RM49.90
Samping	➔ RM15.90	➔ -
Buku	➔ RM100.00	➔ RM100.00
JUMLAH	RM319.90	RM307.10